

KEMUDAHAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK BAJAU LAUT, SEMPORNA, SABAH: SATU KAJIAN KES

Siti Hajar Lokman¹

Jeffery Apdal²

Sharifah Samsudin³

¹JAPIM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Malaysia, (E-mail: 889-25-sitihajarlokmanalhakim@epembelajaran.edu.my)

²JIP, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Malaysia, (Email: jefferyapdal25-62@epembelajaran.edu.my)

³JAPIM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Malaysia, (E-mail: sh_lara210804@yahoo.com)

Abstrak: *Isu kewarganegaraan yang dihadapi oleh masyarakat Bajau Laut Semporna, Sabah menyebabkan mereka terdedah kepada pencabulan hak asasi terutamanya akses kepada pendidikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kemudahan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh komuniti ini dalam aspek pendidikan. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang ketua keluarga serta seorang guru yang bertugas di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna. Pemilihan responden adalah berdasarkan persampelan bertujuan. Penyelidik menggunakan teknik temu bual semi berstruktur dan pemerhatian untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah tematik. Lima tema utama telah muncul hasil daripada analisis data bagi menjawab dua persoalan kajian. Dua tema utama telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu akses pendidikan dan sekolah alternatif. Manakala tiga lagi tema utama menjawab persoalan kajian kedua iaitu bantuan persekolahan, tenaga pengajar dan faktor ekonomi keluarga. Memandangkan kajian ini hanya meneliti isu-isu berkaitan kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak Bajau Laut, maka penyelidik akan datang boleh mempertimbangkan kajian berkaitan langkah yang sewajarnya dilakukan oleh pihak berwajib bagi membantu mengatasi isu ini.*

Kata kunci: *Kemudahan Pendidikan, Kanak-kanak, Ibubapa, Bajau Laut, Temu Bual*

Abstract: *The citizenship issue faced by the Bajau Laut community of Semporna, Sabah causes them to be exposed to violations of basic rights, especially access to education. Therefore, this study aims to identify the educational facilities among the seafaring children as well as identify the challenges faced by this community in terms of education. The study participants consisted of three family heads and a teacher who worked at Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna. The selection of respondents was based on purposive sampling. The researcher has used semi-structured interview techniques and observation to obtain data. The data obtained was analyzed using the thematic method. Five main themes emerged from the data analysis to answer the two research questions. Two main themes have answered the first research question, namely access to education and alternative schools. While the other three main themes answer the second research question, namely schooling aid, teaching staff and family economic factors. Since this study only examines issues related to educational facilities for seafaring children, then future researchers can consider studies related to measures that should be taken by the authorities to help overcome this issue.*

Keywords: *Educational Facilities, Children, Parents, Bajau Laut, Interviews*

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan agenda kritikal yang diperjuangkan di seluruh dunia lantaran signifikannya dalam pembangunan diri insan. Pemerolehan ilmu pengetahuan dipandang sebagai satu tuntutan mutlak yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Bahkan menurut *UNESCO Office Bangkok and Regional Bureau for Education in Asia and the Pacific* (2008), keperluan terhadap pendidikan turut diklasifikasikan sebagai salah satu aspek yang termaktub di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948. Penegakan Hak Asasi manusia dalam lingkungan pendidikan tersebut, diwujudkan dengan menegaskan hak kesamarataan dalam memperoleh peluang pendidikan, tanpa dikekang oleh sebarang unsur-unsur diskriminasi berdasarkan ras, suku, agama atau minoriti. Melalui empati yang jitu, maka adalah menjadi tanggungjawab mustahak negara dunia dalam melindungi, menghormati serta memenuhi hak untuk memperoleh pendidikan bagi setiap individu khususnya bagi kanak-kanak.

Namun, apabila merenung kepada konteks pendidikan Malaysia, keperluan dalam menegakkannya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan ketetapan-ketetapan tertentu dalam perundangan kebangsaan, yang menegaskan pemilikan terhadap borang pengenalan diri sebagai suatu keperluan fundamental bagi mendapatkan hak pendidikan. Tuntutan tersebut secara jelas merupakan suatu hambatan yang besar terhadap komuniti Bajau Laut yang sama sekali tidak memiliki kewarganegaraan bergenerasi. Meskipun, pihak kerajaan telah membangunkan dasar-dasar pendidikan dalam usaha memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak Bajau Laut, namun prioriti dalam memperkasakannya sudah tentu diletakkan lebih kebelakang berbanding pendidikan yang diberikan kepada pelajar arus perdana. Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang mengambil bahagian dalam menggerakkan pendidikan bagi kanak-kanak Bajau Laut pula, memiliki sumber yang terbatas menyebabkan kemudahan pendidikan yang diterima, masih terhad.

2. Tinjauan Literatur

Bajau Laut merupakan gelaran bagi satu rumpun bangsa yang mendiami perairan Sabah khususnya di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Bajau Laut ataupun turut digelar sebagai Pala'u atau Gipsi Laut merupakan suatu komuniti masyarakat yang seringkali dikaitkan dengan pelarian perang Negara Filipina, sejak tahun 1970. Kedatangan mereka ke Pulau Mabul adalah bagi mencari tempat perlindungan, seterusnya menetap di pulau tersebut sehingga kini.

Kehidupan komuniti Bajau Laut yang agak berbeza berbanding masyarakat setempat membuatkan mereka sukar untuk beradaptasi, dan tidak dapat turut serta dalam arus pembangunan perdana. Tambahan pula, isu kewarganegaraan disebabkan ketiadaan dokumen pengenalan diri yang dihadapi oleh generasi orang pelarian Filipina di Sabah mengakibatkan akses mereka terhadap hak asasi manusia seperti hak perlindungan, kebajikan, kesihatan dan pendidikan tidak terjamin dan bergantung kepada budi bicara pihak autoriti (Badariah Saibeh, 2019). Sehubungan itu, generasi orang pelarian Filipina yang tidak mendapat jaminan hak asasi manusia ini hidup dalam keterpinggiran sosial dan tidak berpeluang untuk memperoleh hak terhadap pendidikan yang ditawarkan di Malaysia.

Antara kajian yang membahas perihal masyarakat Bajau Laut adalah kajian yang dibawa oleh Budi Anto (2021) mengenai isu-isu pendidikan dalam kalangan masyarakat Pala'u di Negeri Sabah. Kajian tersebut memerihalkan berkenaan kekangan-kekangan yang menghambat pendidikan kanak-kanak Pala'u. Menerusi kajian tersebut, Budi Anto mengemukakan bahawa ketiadaan kemudahan pendidikan berupa sekolah dan tenaga pengajar merupakan halangan bagi kanak-kanak tersebut dalam memperoleh pendidikan.

Kajian yang menyentuh tentang pendidikan dan masyarakat tanpa negara juga telah dibuat oleh Badariah Saibeh (2019) bertajuk Pendidikan untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehcapaian Pendidikan dalam Kalangan Penduduk di Pulau Mabul Sabah. Kajian Badariah ini mengupas mengenai isu kesukaran pemerolehan peluang pendidikan bagi kanak-kanak tanpa negara yang tidak memiliki dokumen-dokumen tertentu untuk mendaftarkan diri di sebarang institusi pendidikan. Melalui kajian yang sama, Badariah turut mengulas berkenaan peluang pendidikan alternatif sebagai salah satu inisiatif yang mampu membuka ruang kepada kanak-kanak Bajau Laut memperoleh pendidikan. Dapatan kajian ini memberikan input yang berguna khususnya bagi membahas isu kemudahan pendidikan yang disediakan bagi kanak-kanak Bajau Laut.

Nadzira Mistiman dan Khalim Zainal (2019) menerusi kajian berkenaan Cabaran dan Limitasi Pendidikan untuk Kanak-kanak Tanpa Warganegara di Pulau Mabul Semporna Sabah turut mendapati bahawa kualiti kemudahan pendidikan yang disediakan di Sekolah Alternatif Pulau Mabul berada pada tahap yang jauh berbeza berbanding sekolah kerajaan. Kekurangan yang dialami terbabit adalah merangkumi ruangan kelas yang sesak dan tidak kondusif, peralatan pembelajaran yang tidak mencukupi serta kemudahan lampu dan kipas yang tidak berfungsi dengan baik. Dapatan lain yang diketengahkan melalui kajian tersebut juga turut menjelaskan mengenai diskriminasi sosial yang diterima oleh kanak-kanak Bajau Laut, yang akhirnya mengakibatkan mereka tercicir pelajaran lantaran enggan untuk hadir ke sekolah.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pendekatan kajian kes dilihat sangat sesuai dalam kajian ini kerana ia melibatkan pengalaman, di mana pengkaji perlu meneroka melalui pengumpulan data melalui pelbagai sumber seperti temubual, pemerhatian, analisis dokumen dan laporan (Creswell, 2007).

Khidmat bantuan penterjemah turut digunapakai bagi memudahkan komunikasi dua hala yang dilakukan, kerana peserta kajian hanya memahami bahasa ibunda mereka sendiri iaitu Bajau Laut, disamping kekangan pengkaji sendiri yang tidak memahami bahasa mereka.

Peserta kajian

Penyelidik telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang melibatkan tiga orang ketua keluarga bagi tiga orang kanak-kanak Bajau Laut di Pulau Mabul yang menyertai program *Research Based on Education* yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah serta seorang guru yang bertugas di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna.

Pengumpulan data

Kaedah pengumpulan data adalah melalui kaedah temubual secara separa berstruktur dan pemerhatian. Kaedah temubual dilakukan dengan berpandukan protokol tembual dan soalan-soalan yang diberikan adalah bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Manakala bagi kaedah pemerhatian, pengkaji telah melakukan pemerhatian dengan melihat kemudahan pendidikan di pulau tersebut, melawat kediaman peserta kajian serta kemudahan-kemudahan lain di kawasan tersebut. Hasil dapatan kajian telah di transkrip dan seterusnya dianalisis menggunakan tematik secara manual.

Limitasi kajian

Kajian ini hanya melibatkan tiga orang peserta kajian yang terdiri daripada ketua keluarga (bapa) bagi kanak-kanak yang menghadiri program *Community and Research Based on Education* yang dianjurkan oleh para pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau, Sabah serta seorang guru yang bertugas di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna. Selain itu, lokasi kajian ini hanya melibatkan komuniti Bajau Laut di kawasan Pulau Mabul Semporna sahaja, dan tidak melibatkan kawasan lain.

4. Dapatan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti kemudahan pendidikan yang diperolehi kanak-kanak Bajau Laut di Pulau mabul serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi mereka dalam aspek pendidikan di pulau tersebut. Persoalan utama dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah kemudahan-kemudahan pendidikan yang terdapat di Pulau Mabul bagi komuniti Bajau laut, serta
- ii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh komuniti Bajau Laut dalam aspek pendidikan.

Dapatan kajian telah menghasilkan lima tema utama bagi menjawab kedua-dua persoalan kajian di atas. Dua tema utama menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu akses pendidikan dan sekolah alternatif. Manakala tiga tema utama menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu bantuan persekolahan, tenaga pengajar dan faktor ekonomi keluarga.

Akses Pendidikan

Menerusi temu bual yang dijalankan, didapati bahawa terdapat sebuah sekolah rendah yang dibangunkan di Pulau Mabul berkenaan. Responden mengakui sekolah tersebut merupakan sekolah alternatif yang ditubuhkan, dioperasikan dan dibiayai oleh Badan Persendirian atau Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan pemantauan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan pemerhatian dan temubual pengkaji kepada beberapa orang kampung di pulau tersebut, sistem pendidikan yang disampaikan di sekolah berkenaan adalah berbeza dengan kurikulum yang disampaikan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan secara kebiasaannya iaitu lebih tertumpu kepada pembelajaran silibus KAFA (Kursus Asas Fardhu Ain). Walau bagaimanapun, melalui tinjauan lanjut yang dijalankan, rata-rata pelajar yang menduduki sekolah berkenaan adalah terdiri daripada kanak-kanak penduduk tempatan yang bermastautin

di pulau tersebut. Perbezaan dari segi budaya dan cara hidup yang sangat ketara berbanding masyarakat kebiasaannya menyebabkan masyarakat lokal seringkali mengejek dan merendahkan komuniti Bajau Laut sehingga mereka enggan untuk bersekolah. Hal ini adalah sebagaimana yang diakui oleh responden,

“Dito ay may paaralan na tinatawag na madrasah. Lahat na tempatan na bata pumupunta para mag aral doon” (R1K1)

(Sini ada satu sekolah kena panggil madrasah. Semua anak-anak penduduk tempatan yang datang pigi belajar sana.)



Gambar 1: Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, Semporna, Sabah

Kenyataan ini turut disokong oleh responden yang merupakan guru di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul, yang mengakui bahawa kanak-kanak Bajau Laut sememangnya sama sekali tidak menghadiri sesi persekolahan yang berlangsung di sekolah berkenaan. Justeru kadar enrolmen serta kehadiran bagi kanak-kanak Bajau Laut di sekolah adalah sifar. Kata responden,

“Ngunit wala sa iyong mga anak nagaaral doon.” (R4K1)

(Tiada anak-anak dorang yang sekolah sana.)

Fakta ini diperkukuhkan lagi dengan merujuk kepada kajian yang telah dilakukan oleh Nadzira Miskiman dan Khalim Zainal (2019), yang menjelaskan bahawa trauma disebabkan penerimaan sosial yang kurang baik terhadap komuniti Bajau Laut menyebabkan mereka serik untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Pengalaman tersebut seterusnya dijadikan panduan untuk kanak-kanak tanpa warganegara yang lain untuk tidak lagi memohon kemasukan ke sekolah berkenaan.

Sekolah Alternatif

Menerusi *International Institute for Educational Planning*, Pendidikan alternatif turut merangkumi sebarang program pendidikan yang tidak dianggap sebagai program pendidikan rasmi dan ditawarkan secara selari dengan sistem pendidikan formal kebangsaan (Mohd Nazri, 2018). Namun, temu bual mendapati bahawa penganjuran program pendidikan bukan melibatkan aktiviti persekolahan ini juga jarang diorientasikan di Pulau Mabul melibatkan kanak-kanak Bajau Laut sebelum tertubuhnya Madrasah Terapung. Menurut responden, Madrasah Terapung merupakan satu-satunya wadah pengupaya bagi merealisasikan harapan pendidikan kanak-kanak Bajau Laut. Memandangkan Madrasah terapung baru sahaja ditubuhkan pada tahun 2021, maka program pendidikan yang diadakan masih terhad. Kata responden,

“Magong Madrasa Terapung kung iskul anak” (R1K2)
(Sejak ada Madrasah Terapung, baru anak-anak dorang dapat belajar)



Gambar 2: Madrasah Terapung Pulau Mabul, Semporna

Bantuan Persekolahan

Peralatan persekolahan merupakan medium pembelajaran yang penting bagi memastikan pembelajaran yang jitu (Alias et al., 2011). Tanpa peralatan persekolahan seperti alat tulis dan buku teks, pelajar akan menghadapi kesukaran menggarap kandungan pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa sumbangan yang diberikan kepada masyarakat Bajau Laut lebih banyak berfokus kepada bantuan berupa makanan. Oleh kerana kesesakan hidup yang dialami lebih mendesak dan memerlukan prioriti yang lebih jelas, maka sumbangan yang diagihkan masih belum dapat diperluaskan secara tekal ke arah agihan bantuan peralatan persekolahan. Secara rasionalnya, sumber bantuan yang banyak bergantung kepada sumbangan NGO dan badan persendirian, tidak memungkinkan masyarakat Bajau Laut menerima bantuan bekalan makanan serta agihan barangan persekolahan yang berkos tinggi secara berterusan pada waktu yang sama. Rentetan itu, kanak-kanak Bajau Laut masih belum berpeluang untuk memperolehi sebarang bantuan persekolahan misalnya baju sekolah, kasut, alat tulis serta buku teks yang biasanya diberikan kepada kanak-kanak arus perdana. Dapatan ini telah dapat menjawab objektif ketiga iaitu mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh penduduk Bajau Laut dalam aspek pendidikan. Ia dapat dibuktikan melalui temubual bersama peserta kajian, seperti berikut.

“Hindi kailanman buk pensil tumulong” (R3K2)
(tidak pernah dapat bantuan buku pensil)

Tenaga Pengajar

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memastikan kelangsungan penyampaian ilmu pengetahuan (Maszuria et al., 2017). Keberadaan guru merupakan suatu kemestian bagi setiap pelajar terutamanya bagi mereka yang memerlukan bimbingan khas seperti kanak-kanak Bajau Laut. Namun, menurut temubual yang dijalankan, bilangan guru yang terdapat di Pulau Mabul adalah terhad dan rata-ratanya merupakan penduduk tempatan di Pulau Mabul itu sendiri. Hal ini adalah sebagaimana yang diutarakan oleh responden,

“Cikgu konting guro lang”. (R2K4)
(bilangan guru sikit saja)

Bilangan tenaga pengajar yang terhad menyebabkan kesukaran bagi guru-guru yang ada untuk memberikan tumpuan pendidikan menyeluruh kepada semua kanak-kanak di Pulau Mabul berkenaan. Tambahan pula, para guru selalunya melaksanakan sesi pengajaran di sekolah. Justeru, keengganan kanak-kanak Bajau Laut untuk menghadiri sesi persekolahan yang diadakan telah menyebabkan isu keciciran pelajaran yang terjadi, kian meruncing.

Faktor Ekonomi Keluarga

Kestabilan ekonomi keluarga merupakan salah satu teras yang perlu dinilai bagi mengetahui kemampuan pendidikan seseorang individu. Alias dan Nik Mohd Rahimi (2011) menyatakan bahawa, kemudahan pembelajaran dan peruntukan kewangan merupakan faktor dominan yang mampu mempengaruhi keberkesanan pengendalian sesebuah institusi rumah yang akhirnya menjurus kepada pembangunan diri insan dalam konteks individu. Merenung dari segi kerangka ekonomi, kajian mendapati bahawa pendapatan komuniti Bajau Laut adalah rendah lantaran pekerjaan bersifat sara diri yang dilakukan mereka. Menurut responden, rata-rata komuniti Bajau Laut bekerja sebagai nelayan. Justeru pendapatan yang diperolehi adalah cukup sekadar menampung perbelanjaan sehari-hari. Kata responden apabila ditanya mengenai keuntungan yang diperolehi hasil daripada jualan ikan,

“sukup mangan nopo” (R3K5)

(Cukup makan saja)

Tambahan pula, merenung kepada keadaan tempat tinggal serta bilangan isi rumah masyarakat Bajau Laut, dapat disimpulkan bahawa wang yang dimiliki, tidak memungkinkan mereka untuk berbelanja lebih di luar lingkungan keperluan asas.



Gambar 3: Suasana rumah bot yang didiami oleh masyarakat Bajau Laut

Keadaan hidup yang dialami oleh masyarakat Bajau Laut ini secara jelas telah meletakkan kadar pendapatan mereka di bawah kelompok miskin tegar, iaitu jumlah pendapatan di bawah RM1,198 sepeptimana yang telah dikelaskan melalui *Department of Statistics Malaysia* (2023), sebagai kemiskinan mutlak. Situasi ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyediakan sebarang kemudahan pembelajaran yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Malah, menerusi temu bual yang diadakan, dapat diketahui bahawa komuniti Bajau Laut tidak pernah menerima sebarang bantuan berbentuk kewangan daripada sebarang individu mahupun agensi luar. Hal ini sebagaimana yang diutarakan oleh responden.

“hindi kailanman nakakuha pera” (R3K6)

(Tidak pernah dapat bantuan duit)

Tegasnya kehidupan yang terbelenggu dari aspek kewangan lantaran pendapatan keluarga yang kurang dan tidak pula memperoleh sebarang bantuan daripada pihak luar, terbukti menjadi

suatu hambatan yang mengekang kanak-kanak Bajau Laut bagi mendapatkan kemudahan pendidikan yang sewajarnya.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Menerusi dapatan kajian, secara umumnya dapat diketahui bahawa kemudahan pendidikan yang diperolehi kanak-kanak Bajau Laut adalah minimum. Mereka tidak berpeluang untuk memiliki alatan-alatan serta kemudahan pendidikan yang diperlukan, untuk menjalani sesi pembelajaran dengan baik dan berkesan. Sepintas lalu, dapat disimpulkan bahawa jurang perbezaan dari aspek kemudahan pendidikan antara pelajar aliran perdana dan kanak-kanak Bajau Laut adalah sangat besar dan ketara, meskipun masing-masing turut sama bergelar kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, meskipun usaha-usaha yang dilakukan oleh NGO bagi membantu menaik taraf kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak Bajau Laut adalah memberansangkan, namun keupayaan mereka masih terbatas menyebabkan bantuan berupa peralatan pembelajaran, sumbangan dana, pembiayaan program dan sebagainya tidak dapat disalurkan secara tetap.

Oleh itu, kemudahan pendidikan yang merupakan tunjang penting dalam menjayakan pembangunan diri menerusi pendidikan yang padu, seharusnya menjadi teras manusiawi utama yang perlu dijulung. Justeru hal ini mampu direalisasikan dengan cara memperuntukkan sejumlah bantuan yang mampu menghapus kepincangan dalam aspek kemudahan pendidikan kanak-kanak Bajau Laut. Antara bantuan yang mampu dihulurkan adalah sebagaimana berikut:

- i. Menaiktaraf Madrasah Terapung dengan cara menyediakan ruang pembelajaran yang lebih luas agar kanak-kanak Bajau Laut mampu menjalani aktiviti pembelajaran dalam suasana yang lebih selesa dan kondusif.
- ii. Memperbanyak program pendidikan melibatkan pelbagai disiplin ilmu contohnya Program Anti Dadah, kempen kesedaran Bahaya Hisap Gam dan seumpamanya melalui kerjasama pelbagai badan-badan persatuan, NGO dan institusi pendidikan.
- iii. Menambah bilangan guru yang dikhususkan untuk memantau pendidikan kanak-kanak Bajau Laut di kawasan perairan mereka sebagai inisiatif akses pendidikan.
- iv. Menguar-uarkan keperluan dana bagi membantu meningkatkan kemudahan pembelajaran kanak-kanak Bajau Laut kepada masyarakat luar.
- v. Menggalakkan pemupukan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai keterpinggiran sosial yang dialami komuniti Bajau Laut melalui saluran media massa yang mampu mendokumentasi kehidupan mereka.

Kemudahan pendidikan yang terbaik merupakan langkah awal dalam menjayakan misi pembinaan diri insan berkepribadian mulia dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut. Melalui pengetahuan dan jati diri yang utuh, mereka mampu dipandu ke arah kehidupan yang lebih baik dan teratur. Justeru, diharapkan agar kajian ini mampu menjadi rujukan bagi menambah baik kemudahan pendidikan masyarakat Bajau Laut, seterusnya mampu pula membantu pengkaji akan datang dalam mengulas perihal langkah mengatasi kelompongan pendidikan yang mengekang pembelajaran kanak-kanak Bajau Laut.

6. Penutup

Kesimpulannya, selaras dengan konsep pendidikan untuk semua, kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak Bajau Laut hendaklah direalisasikan ke tahap yang lebih baik sebagai suatu usaha murni bagi mengharmonikan tuntutan kemenjadian insan yang memerlukan pendidikan sebagai teras kehidupan. Justeru, adalah menjadi satu tuntutan mustahak agar pendidikan tidak formal melalui persatuan-persatuan mahupun badan sukarela diimarahkan secara intensif bagi memantapkan taraf pendidikan kanak-kanak Bajau Laut. Semoga melalui pemerkasaan terhadap kemudahan pendidikan yang diadakan, mampu membantu ke arah menambah baik proses pembelajaran kanak-kanak yang telah jauh tercicir tersebut.

Rujukan

Alias, M. S., & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2011). Penilaian kemudahan pembelajaran peruntukan kewangan dan kursus dalam perkhidmatan bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia 2. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 123-134.

Badariah, S. (2019). Pendidikan sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah: Alternative education as Cchannels for social inclusion among non-citizens people of Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 24, 177–206.

Budi Anto. Tamring., M., Esa, M.S., Ationg, R., Ibrahim, M., Othman, I. W., Lukin, S.A., & Adam, S. D. S. (2021). Isu-Isu pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Pala’u di Lahad Datu Sabah. *International Journal of Law Government and Communication*, 6 (23), 01-22.

Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Malaysia, D. of S. (2023). *OpenDOSM*. Open.dosm.gov.my. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY>

Maszuria, A. G., Mohd. Zain, K., Marina, A. M., & Wan Noor Siah, W. A. (2017). *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Sasbadi.

Mohd Alif, J., Nazirah, H., Fauziah, I., & Mohammad Rahim, K. (2022). Isu gelandangan dan keciciran pendidikan dalam kalangan gelandangan kanak-kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), 1-24.

Mohd Nazri, A. R., & Saedah, S. (2018). Potensi pembangunan Modul Kurikulum berasaskan kemahiran komuniti setempat bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri: Tinjauan awal. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 15–21.

Nadzira, M., & Khalim, Z. (2019). Cabaran dan Limitasi Pendidikan Untuk Kanak-kanak Tanpa Warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. *Proceeding: International Conference on Business, Education, Innovation & Social Sciences (ICEBEISS 2019)*, 382–391. https://www.academia.edu/39931538/CABARAN_DAN_LIMITASI_PENDIDIKAN_UNTU_K_KANAK_KANAK_TANPA_WARGANEGARA_DI_PULAU_MABUL_SEMPORNA_SABAH

UNESCO Office Bangkok and Regional Bureau for Education in Asia and the Pacific. (2008). *Konvokesyen-konvokesyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia, anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO)*. UNESCO Asia and Pacific Regional Bureau for Education.